

# Ahli geologi UMS kenal pasti 20 tapak

**KOTA KINABALU:** Sekumpulan ahli geologi Universiti Malaysia Sabah (UMS), yang menjalankan kajian di seluruh negeri ini, mengenal pasti lebih 20 kawasan geologi mengandungi persekitaran semulajadi yang menakjubkan dan wajar dipelihara.

Naib Canselor UMS Prof Tan Sri Dr Abu Hassan Othman berkata tapak itu sedang dipercirikan dan dinilai dari segi intrinsik dan sumbangannya kepada pelancongan berasaskan tarikan geologikal atau geopelancongan.

"Saya gembira mendapati ahli-ahli geologi UMS aktif dalam menggalakkan konsep geopelancongan dan mempunyai hubungan rapat dengan institusi lain (dalam mempromosikan konsep itu)," katanya dalam ucapannya pada Dialog Antarabangsa mengenai Pemuliharaan Khazanah Bumi di UMS di sini, kelmarin.

Teks ucapan beliau pada dialog itu, yang diadakan sempena sambutan tiga hari bab Malaysia bagi Tahun Gunung Antarabangsa Unesco, dibacakan oleh timbalannya Prof Datuk Dr Kamaruzaman Ampon.

Selain ahli-ahli geologi UMS, turut serta dalam kumpulan itu ialah pegawai-pegawai Jabatan Galian dan Geosains, Taman-Taman Sabah dan Yayasan Sabah.

Antara kawasan yang dikenal pasti untuk tujuan pemuliharaan ialah gunung berapi lumpur yang aktif di Tingkayu, Lahad Datu; aliran lumpur di Tabin, Lahad Datu dan batu kapur yang kaya fosil di Batu Puteh, Kinabatangan.

Yang lain ialah kon volkano kuno di Bukit Tiger, Tawau; Air Terjun Maliau di Lembangan Maliau di pedalaman selatan Sabah dan batu kapur yang kaya fosil di Pulau Banggi, Kudat.

Turut dalam senarai itu ialah air terjun air terjun melalui lava basalt, sejenis batu berwarna hijau gelap di Sungai Baliojong di Tandek, Kota Marudu dan endapan kipas laut kita-kira separuh saiz padang bola sepak di Pantai Bak Bak di Kudat.

Abu Hassan berkata lanskap dan asas geologikal memberikan rangka kerja yang mencukupi dengan mengawal ciri-ciri penting topografi, mikroiklim, pengagihan air dan jenis tanah.

"Tugas (pemuliharaan) ini besar dan ramai daripada kita hanya mengambil langkah pertama mengenainya. Kita bukan sahaja perlu memahami geologi dan lanskap mengikut hak mereka sendiri, malah kita perlu mengadakan hubungan berkesan dengan aspek pemuliharaan lain," katanya.

Dialog kelmarin dijangka memberi tumpuan kepada memformulakan strategi pemuliharaan khazanah alam, yang akan dibentangkan pada Persidangan Antarabangsa mengenai Kebudayaan dan Sains Gunung selama tiga hari di Taman Kinabalu di Kundasang.

Strategi pemuliharaan itu akan diterima pakai dan menjadi sebahagian daripada Deklarasi Kinabalu mengenai pemapan pembangunan gunung yang akan dilancarkan oleh Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat pada Rabu ini. — Bernama